

1976

KANGAR, 29 NOV. (BERNAMA)-TIMPALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI MENGGESA PEMAJU-PEMAJU PERUMAHAN SWASTA SUPAYA BERSIKAP LEBIH BERTANGGONGJAWAB TERHADAP MATLAMAT SOSIAL NEGARA DAN JANGAN SEMATA-MATA Mencari KEUNTUNGAN YANG BERLEBIHAN.

BELIAU BERKATA, DALAM USAHA MEMBINA RUMAH MEREKA HARUSLAH JUGA MEMPERHITUNGGAN KEPERLUAN GOLONGAN BERPENDAPATAN RENDAH DAN SEDEKHANA.

DR. MAHATHIR MENGGESA DEMIKIAN KETIKA BERUCAP MERASMIKAN PROJEK PERUMAHAN "KAMPUNG GURU" BERHARGA LEBIH \$2 JUTA DI SINI.

PROJEK ITU YANG MENGANDONGI SEBANYAK 53 UNIT RUMAH DIUSAHAKAN OLEH KOPERASI PERUMAHAN GURU-GURU MELAYU PERLIS BHD.

-BRSAMBUNG HM 2020

BELIAU MENINGATKAN, SEKTOR AWAM ATAU KERAJAAN SAHAJA TENTU TIDAK DAPAT MENYELESAIKAN MASAALAH KEKURANGAN RUMAH MEMANDANGKAN PERMINTAAN YANG BESAR DAN KEUPAYAAN KERAJAAN ADALAH TERHAD. 14/11/76

BELIAU BERHARAP SYARIKAT-SYARIKAT GURU DAPAT BERGABUNG DALAM SEBUAH SYARIKAT YANG BESAR SEHINGGA MEMPUNYAI MODAL UNTUK DILABURKAN DI BIDANG PERKILANGAN ATAU PUN LAIN-LAIN PERUSAHAAN BESAR.

KATANYA USAHA-USAHA SEPERTI INI AMATLAH DIHARGAI KERANA KERAJAAN MEMERLUKAN PELABURAN YANG BANYAK DALAM RANCANGAN MALAYSIA KETIGA. -- BERSAMBUNG HM 2022

££

B648

MAHATHIR-GURU 3 KANGAR

DR. MAHATHIR MENINGATKAN RAKYAT SUPAYA JANGAN BERSIKAP BOROS DAN MENGAWASI BELIA BELIA YANG DIRESAPI OLEH PENGARAH-PENGARAH DADAH, ANTI-NASIONAL DAN KOMINIS.

TEGASNYA MASAALAH ITU HENDAKLAH DIHADAPI DAN DIATASI DENGAN PENUH KEJUJURAN, KEINSAFAN DAN TANGGUNGJAWAB. -- BERNAMA HM